

09/09/1998

Senator setuju tindakan PM

Ahmad Ghazali Musa; Azmi Md Deros

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator Malaysia hari ini menyatakan sokongan padu terhadap tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Presidennya, Senator Datuk Rahim Baba, berkata sokongan padu 63 Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator (kecuali dua daripada Pas) itu dibuat bagi memastikan kestabilan politik dan ekonomi negara.

Beliau berkata, Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator juga menyokong tindakan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno memecat keahlian Anwar daripada parti itu.

"Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator berikrar menyokong penuh tindakan Perdana Menteri serta percaya ia dibuat secara adil dan saksama dengan alasan yang kukuh.

"Ahli Dewan Negara yang mewakili Umno juga menyokong penuh pendirian dan tindakan Majlis Tertinggi (MT) memecat Anwar sebagai ahli Umno. Sokongan padu kepada Dr Mahathir itu dicapai selepas mengambil kira kestabilan politik dan kekukuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata, Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator yakin terhadap kepemimpinan Perdana Menteri yang sudah membuat reformasi besar dan dilaksanakan secara adil dan bijaksana.

Seramai 40 Ahli Dewan Negara dan Kelab Senator Malaysia hadir pada perjumpaan khas itu, termasuk timbalan presidennya, Senator Datuk Mohd Zuki Kamaludin serta setiausaha agungnya, Senator Rosli Mat Hassan. Turut hadir Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Mohamad Yaacob.

Di IPOH, Persatuan Kelab Belia Malaysia (MAYC) Perak menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap usaha Dr Mahathir mengatasi masalah politik dan kegawatan ekonomi negara kini.

Setiausaha Kehormatannya, Hasan Md Hod, berkata keputusan sebulat suara itu dicapai pada mesyuarat agung tahunan persatuan itu, Ahad lalu.

"MAYC Perak menyokong sepenuhnya kepemimpinan Dr Mahathir kerana kami penuh yakin beliau dapat mengatasi masalah kepimpinan serta kegawatan ekonomi yang melanda negara," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

(END)